

# Qalam

---

Bilangan 80- Shaaban 1376- Mac 1957- 60 sen

---

## Agama Rasmi

Di dalam penyata Suruhanjaya Reid yang dibentangkan baru-baru ini bahawa tidak akan disebut di dalam perlembagaan nanti agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu sebagaimana yang dituntut oleh pihak Perikatan.

Raja-raja Melayu menerusi pemegang mohornya, menerangkan bahawa tidak perlu, menurut pendapat Raja-raja Melayu, agama Islam itu menjadi agama rasmi Persekutuan kerana Raja bagi tiap-tiap buah negeri di Persekutuan menjadi ketua agama dan adat istiadat Melayu.

Dengan adanya kenyataan daripada Raja-raja Melayu itu teranglah bahawa Raja-raja Melayu sendiri tidak menghendaki percantuman di antara negeri-negeri itu di dalam hal yang mengenai agama. Tidak ada *centralization* agama di Persekutuan itu nanti dan tertinggalah kuasa-kuasa itu hanya di tangan Raja-raja Melayu sendiri seperti yang ada hari ini.

Di dalam masa yang lalu kegelisahan-kegelisahan umat Islam di Tanah Melayu kerana sempitnya pengertian-pengertian yang dipegang oleh pegawai-pegawai agama yang bertanggung jawab kepada Sultan-sultan itu dan kerja menjaga maslahat-maslahat mereka, agama Islam dan pengertian-pengertiannya bukannya semakin maju tetapi semakin mundur dan lembut sehingga pernah di katakan oleh

orang asing bahawa pengajian Islam itu hanya untuk persiapan masuk kubur belaka. Sedangkan orang lain boleh menuduh kita apalagi di antara kita sesama kita sudah tentu lebih-lebih lagi kerana kita mengetahui bagaimana agama itu sudah diperalat semenjak daripada Raja-rajanya membawa kepada pegawai-pegawainya untuk melemahkan jiwa dan roh orang-orang Melayu rakyat Raja-raja itu sendiri. Pegawai-pegawai agamanya tidak berani tegas menegakkan hukum-hukum Tuhan dengan diam-diam sahaja segala adat-adat itu bermaharajalela di jalan dan dilakukan oleh orang besar-besar Melayu dengan Rajanya walaupun kelakuan-kelakuan itu berlawanan dengan dasar dan pengajaran Islam.

Pegawai-pegawai itu, pegawai-pegawai agama, terpaksa memejamkan matanya tidak berani mengatakan yang benar, tidak berani mengusulkan yang benar kerana sayang kepada penduduk- penduduknya. Dan begitulah berjalan dari semasa ke semasa hingga semangat dan pengertian Islam hanya namanya sahaja hidup di dalam Tanah Melayu dinaungi oleh Raja-raja, tetapi pada hakikatnya semakin hari semakin pupus disebabkan kerana kuasa-kuasa itu, lebih mudah meminta kebenaran mengadakan keramaian berjoget daripada meminta kebenaran mengadakan satu ceramah atau syarahan agama. Agama dipersempit dengan kuasa yang ada di tangan Sultan-sultan yang dibuat oleh pegawai-pegawai agama yang terpaksa mencari muka kepada Sultan-sultan itu sendiri.

Dengan sebab pengertian-pengertian yang telah lalu, dan oleh sebab keadaan-keadaan yang telah lalu, kita mengerti bahawa pengikut-pengikut UMNO yang masih sayangkan agamanya, yang masih cinta sedikit sebanyak kepada agamanya, menghendaki supaya agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah agama Islam dan apabila pengakuan itu diterima dengan dengan sendirinya permintaan-permintaan yang disuarakan

mereka untuk mengadakan Kementerian Agama di Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat tidak pasti diadakan.

Dengan adanya Kementerian Agama di Persekutuan Tanah Melayu itu nanti sudah tentu berdirilah jemaah-jemaahnya dan dengan adanya yang demikian itu suara umat Islam yang dikongkong oleh alim ulama yang terpaksa mengampu pegawai-pegawai dan Raja-raja Melayu sendiri akan dapat terserlah dan diharap sinaran Islam dapat mulai dihidupkan di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Dengan pengertian ini maka kita seru umat Islam seluruhnya sama ada di dalam parti UMNO, Parti Rakyat, Parti Negara dan khususnya di dalam PAS, supaya bangun serentak mengadakan satu tuntutan yang mutlak supaya agama Islam menjadi satu agama yang rasmi di Persekutuan Tanah Melayu dengan tidak ada tawar-menawar lagi. Kalau peluang ini tidak dapat dilaksanakan apalah gunanya bagi mereka itu mengucapkan *Lā ilāha illallah* sedang yang sedikit ini tidak terupaya kita menuntunya. Kepada saudara-saudaralah terserah jihad untuk menegakkan kalimah Tuhan merebut peluang yang ada walau sedikit sekalipun. Tunjukkan taat saudara menyampaikan kalimah Tuhan itu.

\* \* \*

#### **Kesulitan-kesulitan yang di hadapi oleh PAS**

Persatuan Islam Semalaya dari sejak ditubuhkan hingga hari ini kesulitan-kesulitan yang di hadapinya ialah tidak lain dan tidak bukan kerana masih ada ahli-ahlinya yang duduk di atas dua laung – masih menjadi ahli-ahli kepada parti lain seperti UMNO, Parti Negara atau Parti Rakyat. Dengan keadaan yang demikian itu langkah yang tegas sudah tentu payah hendak diselenggarakan sedang sebahagian besar dari pucuk pimpinan PAS itu masuk menggunakan “diplomasi” kepada ahli-ahlinya yang duduk di atas dua

laung itu iaitu kerana kelemahan biarlah keadaan itu dibiarkan begitu sahaja.

Kesulitan-kesulitan yang demikian ini sepatutnya tidak ada. PAS sebagai pertubuhan yang bertujuan menegakkan kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya tidaklah mesti berjuang mengikut alunan gelombang tetapi mestilah berpendirian tegas di dalam tugasnya. Tegas di dalam menjalankan tanggungjawabnya walaupun pengikut-pengikutnya sedikit. Apalah ertinya satu-satu pertubuhan kalau membenarkan lagi ahli-ahlinya menjadi orang-orang “*mudhabhibīn*”, boleh berpindah-pindah pendiriannya atau tempatnya, orang-orang yang tidak berkeyakinan di dalam perjuangan dan cita-citanya. Kita berpendapat tidak guna PAS menyimpan orang-orang yang serupa itu tetapi hendaklah pucuk pimpinan PAS berpendirian tegas – tegas kepada lawan, tegas di dalam pendirian dan menunjukkan kasih mesra di antara sesama Muslimin sama ada yang di luar apalagi yang di dalam PAS sendiri.

Sebagaimana kita sudah mengingatkan kalau dibiarkan hal-hal yang serupa ini akhirnya kelak akan melemahkan kedudukan PAS sendiri. Dan kerana itulah, kita berharap pucuk pimpinan PAS yang baharu berpendirian tegas melaksanakan cita-cita dengan tidak ada tawar-menawar atau berdamai di dalam satu-satu perkara. Sebab kalau kita selalu berdamai, lazimnya sebagai mana yang dapat kita lihat di dalam perjuangan-perjuangan Islam di luar negeri bahawa di dalam tiap-tiap perdamaian dengan parti-parti lain bermakna menimbulkan kelemahan atau melemahkan diri sendiri. Berjuanglah di dalam melaksanakan cita-cita itu walaupun dengan orang-orang yang sedikit, tetapi berkeyakinan. Di sebalik itu berkerjalah meyakinkan pengikut-pengikut, meyakinkan tiap-tiap orang bahawa tiap-tiap orang Islam itu bertanggungjawab di hadapan Tuhannya nanti untuk

melaksanakan kekuatan Islam di tanah air masing-masing. Bertawakallah kepada Tuhan dengan orang yang sedikit daripada berkerjasama dengan orang banyak tetapi tidak mempunyai pendirian.

\* \* \*

### **Sukarno dengan rancangannya**

Pada malam 21 Februari yang lalu untuk mengatasi kejadian-kejadian yang berlaku di seluruh Indonesia pada masa ini, maka Presiden Sukarno telah mengeluarkan satu konsepsinya yang di antara lain-lain berhajat menubuhkan satu 'Dewan Kebangsaan' yang di dalamnya terdiri orang-orang dari buruh, dari tani, dari intelektual, dari ulama, kepala bahagian polis, ketua-ketua staf angkatan darat, laut dan udara, yang di ketuai oleh Presiden sendiri yang bakal 'memberi nasihat sama ada diminta atau tidak' kepada kabinet-kabinet yang ertinya bahawa kabinet hendaklah menerima nasihat-nasihat daripada Dewan Kebangsaan yang boleh diertikan bahawa yang kabinet yang akan didirikan daripada semua parti, hendaklah mendengar dan menjalankan dasar-dasar yang dikehendaki oleh Dewan Kebangsaan yang di ketuai oleh Presiden itu sendiri. Tafsiran yang ringkas bahawa Sukarno berhajat menjadi diktator jelas dan terang di Indonesia.

Presiden Sukarno mencela juga adanya puak pembangkang di dalam parlimen Indonesia yang telah lalu dan di dalam ucapannya itu terang disindirkan bahawa Parti Islam atau Masyumi adalah satu parti pembangkang yang keras dan yang selalu berhajat merobohkan sesuatu kabinet yang ditaja oleh Sukarno dengan mengikut kemahuan atau aliran yang dialirkan oleh Presiden sendiri.

Apakah konsepsi Sukarno yang diisytiharkan itu akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di sekitar Indonesia pada masa sekarang? Jawabnya bahawa yang demikian akan menambah kesulitan lagi. Sebelum mengisytiharkan konsepsinya itu di Jakarta

telah diadakan serbuan-serbuan tentera yang dikatakan untuk pembersihan. Dan orang berkeyakinan sekiranya konsepsi itu dilaksanakan maka sudah tentu orang-orang yang tidak sesuai dan tidak sependapat akan menjadi korban dan kita berkeyakinan korban yang besar akan menimpa Masyumi yang telah dikecam oleh presiden di dalam pidato konsepsinya itu.

Bagi orang-orang yang tidak mengetahui kedudukan di Indonesia akan mudah menelan apa yang dikatakan oleh Sukarno tetapi orang-orang yang mengetahui bahawa adanya pemilihan umum dengan cara-caranya yang lalu dan melihat hasil-hasil pemilihan umum itu maka parlimen yang ada sekarang adalah sebuah parlimen yang dikuasai oleh Jawa kerana 39 buah kerusi yang didapati oleh komunis, 52 kerusi yang didapati oleh P.N.I, 45 kerusi yang di dapati oleh Nahdatul Ulama' hampir-hampir semua kerusi telah diperoleh di Jawa – tidak di daerah-daerah yang ada sekarang. Sebab itu pemerintahan hasil dari pemilihan umum yang ada sekarang adalah suatu pemerintahan Jawa terhadap daerah. Inilah yang menjadi sebab yang utama mengapa daerah-daerah itu merasa terhimpit dan merasa dianaktirikan dan di kebelakangan dan kerana itulah daerah-daerah itu menghendaki sebuah kerajaan federal bukan sebuah kerajaan seperti yang ada sekarang.

Kalau langkah-langkah ini diadakan kita berkeyakinan bahawa negara Indonesia hancur dan pertahanan Indonesia akan terbagi-bagi: Jawa satu pemerintahan atau satu negara, Sumatera satu Negara, Borneo satu negara dan akhirnya dengan kejadian ini orang Jawa sendiri akan terancam sebab hasil mahsul Indonesia umumnya didapat dari luar Jawa. Kemewahan yang didapati oleh Sukarno bukan dari titik peluh atau hasil mahsul orang-orang di Jawa tetapi dari daerah itu. Kalau keadaan darurat diumumkan bahaya perang saudara tidak dapat dielakkan.